



کمنتريڻ سومبر۽ اوتام دان قنچوڻ

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS TADARUS SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1442H / 2021M BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA 20 APRIL 2021M BERSAMAAN DENGAN 7 RAMADHAN 1442H, MASJID KAMPUNG SALAMBIGAR

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 April 2021 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Tadarus Sempena Bulan Ramadhan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masehi, bertempat di Masjid Kampung Salambigar, Kampung Salambigar.

2. Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Tadarus tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Haji Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

3. Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Masrol Azami bin Haji Abdullah, Ketua Imam Masjid Kampung Salambigar berupa kerusi banquet sebagai tambahan kepada yang sedia ada bagi kegunaan di masjid berkenaan. Majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran di masjid berkenaan didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah. Majlis disusuli dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah. Aktiviti bertadarus ini adalah merupakan aktiviti KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang mubarak di samping mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. /TAMAT

Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan
19 April 2021